



SIARAN AKHBAR

ALERT LIST AMBD TELAH DIKEMASKINIKAN

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa *Alert List* AMBD telah dikemaskinikan.
2. *Alert List* AMBD adalah senarai individu, syarikat dan laman web yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang. Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.
3. AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa syarikat atau individu yang telah dimasukkan ke dalam *Alert List* AMBD bagi bulan Julai dan Ogos 2018 adalah seperti berikut:
 - a. Amanah Rahman Feeds;
 - b. FBS Brunei Forex;
 - c. HongKong Sito Investment Limited;
 - d. Hot Forex Brunei;
 - e. OATG Traders (Organisation of Abandoned Talented Generation); dan
 - f. Tifia Markets Limited.
4. *Alert List* AMBD yang telah dikemaskinikan boleh didapati melalui laman web AMBD di www.ambd.gov.bn. Senarai syarikat-syarikat dan individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman web yang sama.
5. AMBD telah mendapati bahawa acara-acara yang melibatkan sesi pengenalan, pemasaran dan pembelajaran mengenai produk-produk pelaburan oleh syarikat atau individu, sama ada yang disenaraikan di dalam *Alert List* AMBD dan/atau tidak mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa telah diadakan di premis-premis perniagaan. Sehubungan dengan ini, AMBD ingin mengingatkan pihak peniaga-peniaga untuk memastikan kebenaran telah diperolehi dari pihak-pihak yang berkenaan sebelum acara-acara tersebut diadakan di mana-mana premis perniagaan. Peniaga-peniaga, sebagai sebahagian daripada proses penilaian, hendaklah menyemak terlebih dahulu sama ada syarikat/individu berkenaan telah disenaraikan di dalam *Alert List* AMBD.
6. AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam, dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. AMBD juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam. Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi AMBD melalui talian 2380007 atau emel kami melalui fci@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: Zulkaedah 1439H/ Ogos 2018M

Rujukan: AMBD/COMMS/3